

DATE
PAPER
TITLE
BY

: 28 MARCH 2019 (THURSDAY)
: THE EDGE FINANCIAL DAILY/ HOME BUSINESS/ PG 6
: MALAYSIA'S EXPORT GROWTH TO HALVE IN 2019
: TAN XUE YING

- THE EDGE FINANCIAL DAILY / HOME BUSINESS
- PG 6

External trade

	2013-2017 AVERAGE	2018p	2019f
	ANNUAL CHANGE (%)		
Gross exports	6.1	6.8	3.4
<i>of which:</i>			
Manufactured	8.1	9.1	4.8
Agriculture	-0.2	-14.2	-2.2
Minerals	-1.2	7.2	-6.5
Gross imports	6.8	4.9	4.5
<i>of which:</i>			
Capital goods	3.9	-3.3	2.7
Intermediate goods	5.9	-3.9	3.7
Consumption goods	10.4	2.5	1.4
Trade balance (RM bil)	86.4	120.5	114.9

p Preliminary *f* Forecast
Sources: Department of Statistics Malaysia and Bank Negara Malaysia

Malaysia's export growth to halve in 2019

BY TAN XUE YING

KUALA LUMPUR: Malaysia's export growth will likely soften to 3.4% in 2019 from 6.8% last year, in line with the more moderate global economy expansion and trade activity, according to Bank Negara Malaysia (BNM).

In its 2018 Annual Report, the central bank said the country's exports will be significantly impacted by the ongoing US-China trade tensions, as this could directly lower demand from affected countries, and slow down production in global value chains.

Furthermore, lower mineral prices and crude oil production are expected to more than offset the increase in liquefied natural gas and crude palm oil output, therefore resulting in continued contrac-

tion in commodity exports, it said.

BNM, however, sees a slight offsetting effect in 0.1 to 0.4 percentage points, from trade diversion of US' imports away from China to Malaysia. These are for products that currently account for a significant share of the US import market, and for manufacturers who have the capacity to ramp up production.

Other mitigating factors include sustained demand from emerging economies especially in Asean, as well as positive growth in manufactured exports, which will help cushion the impact of the expected decline in commodity exports.

Due to moderating demand from key trade partners, manufactured exports are projected to expand by 4.8% in 2019, compared with 9.1% in 2018.

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang 4.3-4.8 peratus

→ Perbelanjaan sektor swasta kekal pemacu pertumbuhan

Oleh Nurhayati Abllah, Mahanum Abdul Aziz dan Nora Mahpar
bhbiz@bh.com.my

Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang antara 4.3 hingga 4.8 peratus tahun ini meskipun berdepan persekitaran ekonomi yang mencabar.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus, berkata pertumbuhan kukuh itu akan disokong oleh penguatkuasaan perbelanjaan sektor swasta, pemulihan dalam sektor komoditi dan permintaan berterusan daripada negara perdagangan utama.

Beliau berkata, perbelanjaan sektor swasta akan terus memacu pertumbuhan, sementara perbelanjaan isi rumah mendapat manfaat daripada pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga berterusan.

Katanya, berdasarkan kaji selidik terhadap majikan, kenaikan gaji dijangka kekal antara 4.9 hingga 5.2 peratus pada 2019, manakala kadar pengangguran secara relatif diunjurkan tidak berubah.

"Beberapa langkah dasar, seperti penetapan harga siling bagi harga runcit bahan api, kenaikan upah minimum dan pindahan tunai bersasaran, akan menambah sokongan kepada perbelanjaan isi rumah," katanya pada sidang media mengumumkan Laporan Tahunan 2018 BNM dan Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran di Kuala Lumpur, semalam.

Nor Shamsiah berkata, unjuran pertumbuhan ekonomi itu bagaimanapun akan dipengaruhi oleh beberapa risiko yang boleh menyebabkan pertumbuhan menjadi lebih rendah, terutama risiko yang berpunca daripada perkembangan dalam persekitaran global.

Beliau berkata, ketegangan perdagangan yang masih belum selesai antara Amerika Syarikat (AS) dengan China, Brexit dan pertumbuhan global lebih perlahan daripada jangkaan akan memberikan kesan kepada Malaysia, terutama menerusi saluran perdagangan dan pelaburan.

Katanya, ketidakpastian mengenai kadar pengembalian dasar monetari ke tahap yang wajar di AS boleh mengakibatkan keadaan tidak menentu lebih ketara dalam pasaran kewangan ekonomi sedang pesat membangun.

Risiko deflasi

Mengenai risiko deflasi, Nor Shamsiah berkata, inflasi negatif yang dicatatkan baru-baru ini adalah berikutan harga bahan api yang

rendah dan ia bukan kejutan mendadak dalam permintaan menyebabkan penurunan harga barangan.

Justeru, beliau berkata, inflasi keseluruhan dijangka kekal stabil secara amnya, dengan purata tahunan antara 0.7 hingga 1.7 peratus pada 2019 dan unjuran itu sudah mengambil kira kesan pindahan daripada faktor kos domestik yang meningkat.

Faktor kestabilan

"Asas yang kukuh dan kepelbagaian struktur ekonomi Malaysia akan membantu negara untuk menghadapi risiko, pada masa sama, terus memastikan keadaan makroekonomi dan kewangan negara kekal stabil.

"Faktor berkenaan termasuk pasaran pekerja yang kukuh, kadar inflasi yang stabil, lebih dalam akaun semasa imbalan pembayaran yang berterusan, pasaran kewangan yang mendalam serta sektor kewangan yang kukuh," katanya.

Nor Shamsiah berkata, kadar pertukaran yang fleksibel dan paras rizab antarabangsa yang mencukupi turut meningkatkan keupayaan ekonomi untuk bertahan daripada sebarang kejutan luaran.

Beliau berkata, usaha jitu kerajaan dalam pembaharuan fiskal, struktur dan institusi akan menyumbang ke arah pertumbuhan yang lebih inklusif dan mampan pada masa depan.

→ Lihat Ms.24

BERITA HARIAN/ BISNES/ PG 23

FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH



Nor Shamsiah Mohd Yunus, Gabenor BNM

Nor Shamsiah menunjukkan Laporan Tahunan 2018 BNM dan Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran di Kuala Lumpur, semalam.

Pastikan mudah tunai mencukupi

← Dari Ms.23

Mengenai dasar monetari, Nor Shamsiah berkata, dasar monetari pada 2019 akan tertumpu kepada usaha menyokong pertumbuhan ekonomi negara yang kekal stabil dengan mengambil kira keadaan monetari dan kewangan semasa.

Beliau berkata, bank pusat akan terus memastikan mudah tunai yang mencukupi dan keadaan pasaran yang teratur untuk terus menyokong aktiviti pengantaraan kewangan.

Mengenai dasar fiskal, matlamat dasar fiskal pada 2019 adalah untuk memperkuatkan kedudukan fiskal kerajaan menerusi pengukuhan fiskal secara beransur-ansur, mengurangkan hutang dan liabiliti dan menggalakkan ekonomi yang inklusif.

Sementara itu, kedudukan kewangan BNM kekal kukuh pada 2018 dengan asetnya berjumlah RM447.6 bilion dan mencatatkan untung bersih sebanyak RM7.5 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

BNM mengumumkan dividen sebanyak RM2.5 bilion kepada kerajaan bagi 2018.